

# Dewan BN perlu putuskan status dua ADUN MCA

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**

**UM 14 JUL 2003**

SEPANG 13 Julai – Keputusan untuk menarik balik penggantungan keahlian dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) MCA Pulau Pinang perlu dibuat oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, ini merupakan prosedur yang perlu diikuti memandangkan tindakan disiplin ke atas ADUN terbabit sebelum ini diputuskan oleh dewan berkenaan.

Menurutnya, hanya setelah Dewan Tertinggi BN mempertimbangkan perkara itu dengan mengambil kira semua pandangan Ahli Majlis Kerja Tertinggi, keputusan yang dibuat tidak boleh dipertikaikan.

“Itulah prosedur yang perlu berlaku dalam hal ini. Kerana saya percaya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan saya pun, kita tidak boleh memberi pandangan untuk membatalkan keputusan Dewan Tertinggi BN.

“Ia mesti dibawa kepada Dewan,” katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hari ini, sekembalinya dari lawatan rasmi di Jepun.

Khamis lalu, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting mengumumkan keputusan Majlis Presiden parti itu menarik balik penggantungan keahlian ADUN Jawi, Tan Cheng Liang dan ADUN Keramat, Lim Boo Chang.

Menurut Abdullah, Ka Ting boleh memberi pandangan bahawa tindakan disiplin itu patut ditarik balik kerana parti itu yang lebih maklum tentang kedudukan kedua-dua ADUN tersebut.

“Mungkin mereka itu telah insaf, tidak akan melakukan lagi kesilapan, akan jadi ADUN yang baik dan berkhidmat kepada pengundi di kawasan mereka.

“Kalau MCA berpandangan begitu, pada saya tidak ada apa salahnya, ada kebaikannya tetapi masih lagi memerlukan perkara ini dipertimbangkan oleh Dewan Tertinggi BN kerana keputusannya dibuat oleh dewan berkenaan,” katanya.

Sementara itu di Petaling Jaya, Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, keputusan menamatkan penggantungan keahlian dua ADUN MCA itu mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bercakap pada sidang akhbar selepas merasmikan hari keluarga Kementerian Penerangan di Sunway Lagoon hari ini beliau berkata, perkara itu dianggap telah selesai selepas dipersetujui oleh Dr. Mahathir yang juga pengerusi BN.